



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 41/2021 dari 10 Oktober hingga 16 Oktober 2021)

Pada minggu ke-41, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 19 kes (3.9%), menjadikan jumlah kes 471 berbanding 490 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-41. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 20,847 kes berbanding 79,410 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 58,563 kes (73.7%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 15 kematian berbanding 128 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 113 kematian (88.3%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak sembilan (9) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-41 berbanding lima (5) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lima (5) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, tiga (3) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sabah. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 30 kes pada minggu ke-41 yang mana 20 kes dari Selangor, lima (5) kes dari WPKL & Putrajaya, tiga (3) kes dari Kelantan dan dua (2) kes dari Pulau Pinang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,132 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,284 sampel darah dan 30 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bertujuan menjadikan rakyat Malaysia Sihat Sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat. Salah satu teras di bawah ANMS adalah kebersihan persekitaran yang mana semua pihak daripada agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan Swasta serta seluruh lapisan masyarakat perlu memikul tanggungjawab melestarikan kebersihan di premis masing-masing. Pastikan bekas yang tidak terpakai dilupuskan secara berhemah agar tidak menjadi tempat Aedes membiak. Jadikan budaya 'periksa', 'cari' dan 'musnahkan' tempat pembiakan Aedes di dalam dan di luar rumah, sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk mencegah ancaman Demam Denggi. Cegah Demam Denggi, tanggungjawab semua. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



TAN SRIDATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
28 Oktober 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 40 dan ke- 41 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 41 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-41 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 41/2021
(10 Oktober hingga 16 Oktober 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 41/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 41/2020	
		Minggu 41 (10 Oktober – 16 Oktober 2021)		Minggu 40 (3 Oktober – 9 Oktober 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	1	0	20	0	76	0
2	Kedah	14	0	8	0	422	0	714	0
3	P. Pinang	0	0	4	0	317	0	854	2
4	Perak	8	0	7	0	477	1	2,481	3
5	Selangor	273	0	312	0	12,421	2	39,798	36
6	WP KL & Putrajaya	85	0	71	1	2,537	2	9,230	7
7	N. Sembilan	16	0	15	0	488	1	2,550	8
8	Melaka	7	0	5	0	505	0	2,254	7
9	Johor	17	0	14	0	1,481	2	9,722	35
10	Pahang	5	1	3	0	366	2	2,683	7
11	Terengganu	0	0	1	0	35	0	342	0
12	Kelantan	7	0	5	0	176	0	3,714	6
13	Sarawak	2	0	5	0	307	0	1,385	2
14	Sabah	37	0	39	0	1,291	5	3,601	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	6	0
	MALAYSIA	471	1	490	1	20,847	15	79,410	128

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 41/2021
(10 Oktober hingga 16 Oktober 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E10. BG Sek 14 (Teres 1) [Jln 1-28]	12	62
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	34	55
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Koperasi Uda	13	49
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	11	44
5	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	13	34
6	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 5 Flat Desa Ria (G,J,K,L,M,N,O,P)	13	33
7	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B (Blok 62-70)	8	33
8	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Jalan Kedah)	24	33
9	SABAH	Tawau	JK 02 Tmn. Semarak Loji	10	32

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 41/2021 (16 Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	124
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	34
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	10	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	7	7
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	33	54
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	12	

9.	Selangor	Gombak	102	231
		Hulu Langat	66	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	6	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	50	376
		Kepong	120	
		Lembah Pantai	40	
		Titivangsa	166	
JUMLAH KUMULATIF			1,132	